

Hujan lebat tak bantu tingkat paras takungan

Kangar: Hujan lebat melanda Perlis tidak membantu dalam meningkatkan paras takungan di empangan Timah Tasoh, dekat sini, sekali gus menyebabkan tindakan catuan bekalan air masih terpaksa diteruskan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Najib Abdullah, berkata buat masa ini takungan di empangan utama itu tidak berubah dan bacaannya masih kekal pada paras 26.1 meter (m) seperti semalam.

“Hujan yang berlaku hanya membabitkan beberapa kawasan di negeri ini sejak beberapa hari lalu dan ia tidak terarah di kawasan tadahan air di empangan Timah Tasoh, menyebabkan air dalam empangan semakin menyusut.

“Berdasarkan rekod bacaan kita, paras air pada hari ini (semalam) masih tidak menunjukkan sebarang peningkatan,” katanya ketika dihubungi.

Catuan bekalan air di Perlis bermula Sabtu lalu membabitkan beberapa daerah di kawasan utara negeri ini termasuk Padang Besar, Titi Tinggi, Beseri, Chuping dan Kaki Bukit dengan anggaran 13,000 akaun pengguna domestik.

Tindakan itu diambil selepas paras takungan air menyusut sehingga bawah 26.2m dengan jangkaan bekalan mampu bertahan untuk tempoh kira-kira 20 hari.



“**Berdasarkan rekod bacaan kita, paras air pada hari ini (semalam) masih tidak menunjukkan sebarang peningkatan”**

Abdul Najib Abdullah,
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Perlis Sdn Bhd (SAP), Abd Hamid Sahid, berkata pihaknya masih belum dapat menentukan tarikh akhir catuan air di kawasan yang terbabit.

Tempoh catuan

“Buat masa ini, saya masih belum dapat menentukan sampai bila air akan dicatu. Tempoh catuan bergantung pada kadar curahan



Keadaan terkini empangan Teluk Bahang yang semakin susut berbanding minggu lalu berikutan fenomena El Nino.

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZAL/BH]

hujan di empangan berkenaan,” katanya.

Dalam perkembangan lain di Georgetown, kapasiti air di tiga empangan di sini didapati terus menurun semalam, walaupun beberapa kawasan di negeri ini dilaporkan mula menerima hujan lebat sejak kelmarin.

Jurucakap Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berkata, bacaan kapasiti pada jam 5 petang mendapati Empangan Air Itam mencatat kapasiti 57.8 peratus; Empangan Teluk Bahang (59.5 peratus) dan Empangan

Mengkuang pada tahap 90.5 peratus.

Bertahan kurang dua bulan

Katanya, jika keadaan ini berterusan, bekalan air bagi kegunaan domestik dijangka hanya mampu bertahan kurang daripada dua bulan, sekiranya langkah pembenihan awan tidak dilakukan segera.

“Minggu lalu, kapasiti air masih berada dalam keadaan baik apabila Empangan Air Itam mencatat 75.7 peratus, Empangan Teluk Bahang (72.3 peratus) dan

Empangan Mengkuang pada kapasiti 92.9 peratus.

“Hujan lebat di kawasan Seberang Prai berjaya mengekalkan paras air di Empangan Mengkuang, namun bagi dua empangan di pulau, paras air didapati semakin surut,” katanya ketika dihubungi.

Tinjauan BH di Empangan Teluk Bahang mendapati air hanya mengisi separuh daripada tasik takungan dengan PBAPP dijangka mengambil langkah mencatu air jika kapasiti tiga empangan terbabit terus merosot.